

Rawatan homeopati



DR MATHIYA... perlu didaftarkan di bawah Kementerian Kesihatan.

Satu alternatif kepada perubatan moden

H-M 11/03/07 M/S 30

>>Oleh **ZAINUDDIN ZAIN**
zainuddin@hmetro.com.my

RAWATAN alternatif kini semakin mendapat tempat dalam dunia perubatan. Jika dulu rawatan alternatif hanya menjadi tempat rujukan selepas rawatan moden atau allopati gagal menyembuhkan pesakit, kini tidak lagi.

Malah, wujud kecenderungan masyarakat untuk mendapat rawatan alternatif, terutama berasaskan herba untuk penyakit biasa seperti demam dan selesema, bukan sekadar untuk penyakit kronik atau berkaitan kepercayaan makhluk halus.

Tidak hairan ruang iklan di akhbar, televisyen dan majalah sehingga di internet digunakan sepenuhnya pengamal rawatan alternatif, terutama tradisional, untuk menghebahkan perkhidmatan mereka.

Bagaimanapun, jangan terkejut apabila bil diterima untuk rawatan alternatif jauh lebih tinggi apabila ada pengamal perubatan alternatif mengambil kesempatan mengaut keuntungan cepat.

Sehubungan itu, Presiden Persatuan Doktor Homeopati Malaysia (PDHM), Dr K Mathiya atau lebih dikenali sebagai Dr Raja, berkata penting untuk semua pusat rawatan

alternatif berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

Namun, katanya, yang dilihat sekarang masih ada banyak pusat rawatan haram dengan kredibiliti, pengalaman dan kepakaran pengamal rawatan alternatif yang mengendalikannya boleh dipersoalkan.

"Bukan luar biasa untuk membaca laporan mengenai bomoh palsu merogol pelanggan, penjualan ubat palsu dan berbahaya atau orang ramai dicaj secara keterlaluan.

"Ini pengkhianatan terhadap kepercayaan orang ramai yang mula sedar dan menaruh harapan tinggi kepada rawatan alternatif, terutama untuk menyembuhkan penyakit kronik yang tidak lagi diberikan harapan atau kos perubatan moden membabitkan kos terlalu tinggi," katanya.

Dr Raja berkata, PDHM yang Penaungnya adalah Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, berasa terpenggil untuk memperbetulkan keadaan dengan berusaha sebaik mungkin bagi memperluaskan rangkaian perubatan mereka.

Sehubungan itu, katanya, menjadi sasaran PDHM untuk membuka lebih banyak pusat rawatan bagi membolehkan orang ramai mendapat rawatan terbaik pada harga berpa-

tutan.

"Pada masa ini kita ada empat pusat rawatan, semuanya di Utara Semenanjung. Berikutan tenaga pakar homeopati yang terhad menghalang kita daripada memperluaskan jaringan.

"Pusat rawatan kami lebih kepada kempen kesedaran bagi mereka yang berminat mendapatkan rawatan alternatif kerana kita bukan bermotifkan keuntungan semata-mata.

"Sebagai contoh, Hospital Homeopati di Kilometer 37 Jalan Pedu (Kedah), rawatan kami percuma dan pesakit hanya dikenakan bayaran bermalam di wad sebanyak RM15 sehari," katanya.

Beliau berkata, yang cuba dilakukan ialah memperkenalkan ilmu sebenar homeopati dan berharap orang ramai tidak menjauhi rawatan alternatif hanya kerana beberapa kes tidak menyenangkan berlaku.

Selain di Pedu, PDHM juga ada pusat rawatan di No 1668V, Taman Ara Indah (berhampiran Kompleks Tabung Haji), Bayan Lepas, Pulau Pinang; No 1788-A, Jalan Teluk Wanjah (belakang Bank Islam) Alor Star dan yang terbaru di Pekan Baru Changlun (tepi jalan utama menghala Bukit Kayu Hitam).

Dr Raja berkata, PDHM di Changlun bukan saja bertanggungjawab mem-

beri perubatan, tetapi juga kaunseling kesihatan, terutama mengenai penyakit berkaitan seks bebas yang sering berlaku di kawasan bersempadan Thailand.

"Homeopati diasaskan di Jerman. Ia rawatan alternatif yang popular di Eropah dan Amerika Syarikat, tetapi yang menyedihkan, rawatan ini yang mula mendapat tempat di negara ini dirosakkan imejnya oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Beliau mendedahkan, ada doktor homeopati mengambil kesempatan daripada keketatan pengetahuan orang ramai mengenai kaedah perubatan alternatif itu untuk mengenakan bayaran sehingga 20 kali ganda daripada kadar sebenar.

"Malah, saya pernah menyiasat sebuah klinik dan mendapati ia mengenakan bayaran sehingga RM400 untuk satu suntikan kanser dengan seseorang itu harus menerima tiga suntikan seminggu.

"Sebagai pendedar ubatan homeopati di negara ini, saya tahu kosnya jauh lebih rendah daripada caj dikenakan. Jika mereka mengenakan bayaran RM100 pun sudah untung besar," katanya.

Dr Mathiya berkata, PDHM yang mempunyai 115 ahli berdaftar cuba memelihara mutu perubatan itu.